

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT**

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 08 DISEMBER 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 20

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 30-100560
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah benar salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya masalah tidak dapat menguasai 3M (Membaca, Mengira dan Menulis) adalah disebabkan oleh sukatan pelajaran di peringkat pra-sekolah lebih banyak menjurus kepada aktiviti fizikal (Psikomotor) dan kurang dari segi mental serta kemahiran belajar. Mengapakah aktiviti 3M ini tidak diberikan penekanan kepada murid pra-sekolah tersebut.
2. 74-100101
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah kontraktor binaan bumiputera dan bukan bumiputera kelas A yang berjaya mendapat projek-projek Kerajaan sejak tahun 2001.
3. 46-100211
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jenis pinjaman yang telah menyebabkan kerugian RM700 juta oleh Bank Islam. Apakah kerugian ini disebabkan oleh kecuaiannya pegawai atau fakta-fakta di luar kawalan. Setakat ini, apakah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengenal pasti pegawai yang terlibat.
4. 69-100432
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang supaya bantuan buku teks dapat dibekalkan kepada semua pelajar tanpa mengira kaum dan jumlah pendapatan. Ini adalah kerana kebanyakan pelajar yang belajar di sekolah kebangsaan adalah mereka yang berpendapatan rendah. Apatah lagi sekarang ini anak-anak guru telah pun diberi bantuan tersebut secara sepenuhnya.

5. 52-100552
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah berjaga-jaga ataupun kawalan yang diambil oleh Kerajaan di dalam mengawal pergaulan serta perkembangan dan perbezaan mazhab di antara orang-orang Pakistan di Malaysia serta rakyat Islam tempatan. Adakah ini akan membawa masalah ke negara kita pada satu hari nanti.
6. 51-100133
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah titi sempit Jalan Pekan Langkap ke Kg. Baru Chui Chak Perak akan di naik taraf supaya ia sama lebar dengan jalan raya untuk mengelakkan kemalangan yang sering berlaku.
7. 9-100400
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah wajar bagi sebuah syarikat seperti DRB-Hicom mempunyai banyak syarikat-syarikat francais bagi mengimport kereta asing sehingga memberi persaingan secara langsung kepada kereta nasional yang dikeluarkan oleh DRB-Hicom sendiri dan adakah polisi ini bersesuaian dengan dasar automotif nasional.
8. 17-100146
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tempoh sesuatu ubat atau bahan untuk didaftar di negara kita dan berapa jenis ubat atau bahan baru telah didaftar pada tahun ini dan berapakah masih dalam proses menunggu untuk pendaftaran.
9. 70-100062
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan sistem rangkaian perkhidmatan awam yang lebih canggih dan berkesan bagi mengatasi masalah kesesakan di Kuala Lumpur.
10. 76-100524
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah sudah dilaksanakan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia sehingga setakat ini.
11. 57-100361
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mengapakah Kementerian masih mengenakan bayaran pencarian maklumat sebanyak RM10.00 sejam seperti di Pusat Sumber Perbadanan Harta Intelek Malaysia (PHIM).

12. 45-100482
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan setakat manakah pengenalan subjek baru di universiti awam iaitu Hubungan Ras dan Etnik dapat meningkatkan perpaduan kaum di negara ini dan mengapakah subjek yang sama tidak diwujudkan di IPTS.
13. 58-100464
Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan setakat tahun ini berapakah jumlah pelaburan di negara kita dalam sektor bio-teknologi dan namakan negeri-negeri di mana pelaburan tersebut dibuat.
14. 21-100090
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa Seksyen Duti Setem dan Cukai Keuntungan Hartanah, Lembaga Hasil Dalam Negeri terutamanya di Sabah lewat dan lambat memulangkan taksiran mereka yang mana ini menyusahkan rakyat dan merugikan Kerajaan.
15. 60-100447
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah sumbangan sektor pertanian kepada KDNK negara sejak dari Januari 2004 sehingga kini dan apakah contoh-contoh baru yang signifikan mengenai pertanian moden yang berjaya dilaksanakan oleh Kementerian yang menjadi penyumbang besar kepada pendapatan negara.
16. 40-100267
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-
- (a) bagaimana Kementerian menangani isu konsep jual beli rumah yang didakwa menguntungkan pemaju. Konsep kita ialah pilih, bayar cengkeram, uruskan pinjaman bank dan tandatangan perjanjian jual beli rumah tetapi tunggu dua atau tiga tahun sebelum rumah siap; dan
 - (b) apakah langkah yang diambil jika sesuatu projek perumahan itu tergendala dan di manakah hak pembeli.
17. 62-100603
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan terperinci Kementerian selain dari meraikan Hari Integriti Nasional, sebagai langkah untuk mendidik dan menanamkan nilai-nilai murni pada generasi akan datang untuk membenci rasuah dan menjadikan integriti dan transparansi sebagai cara hidup bagi generasi akan datang.

18. 44-100328
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan sahaja Pilihan Raya di kampus supaya Majlis Perwakilan Pelajar dipilih oleh Pentadbiran Universiti kerana ianya mengganggu pelajar dari tugas utama mereka iaitu belajar.
19. 75-100585
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kajian kemalangan tahun 2004 telah meragut 6,223 nyawa dengan anggaran kerugian kos ekonomi berjumlah RM9 bilion serta terbukti kemalangan jalan raya merupakan pembunuh nombor satu negara dan nyatakan apakah strategi yang akan diambil oleh Kementerian bagi menangani isu tersebut di samping kempen kesedaran sikap dan mempertingkatkan lagi hukuman serta penguatkuasaan undang-undang.
20. 29-100239
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian sedar dengan menyenaraihitamkan peminjam bukanlah satu jalan penyelesaian tetapi menimbulkan banyak masalah kepada peniaga di samping itu ramai akan mufliis dan sedikit sebanyak akan menggambarkan kepada pelabur bahawa ekonomi negara dalam keadaan parah sebab itu ramai mufliis dan apakah langkah terbaik untuk membantu peminjam menyelesaikan hutang yang tertunggak.
21. 65-100132
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapa dirasakan tidak perlu pengajaran Matematik dan Sains di dalam Bahasa Inggeris di sekolah rendah dikaji semula setelah didapati ada tanda-tanda terdapat masalah di dalam pelaksanaan program ini.
22. 77-100499
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi menjamin kereta nasional terus berdaya saing dengan berkuat kuasanya AFTA.
23. 43-100290
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes ragut dan kes ragut yang membawa kepada kematian di seluruh Malaysia sepanjang tahun 2005 dan apakah masalah yang dihadapi pihak polis dalam membanteras kegiatan ini.

24. 38-100356
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan punca sambutan dingin siswazah menganggur menyertai Skim Latihan Graduan anjuran Kementerian.
25. 18-100251
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah garis panduan yang dapat diambil dalam mengelakkan perkahwinan sesama jantina yang berlangsung di negara kita yang dikatakan tidak sah di sisi undang-undang negara.
26. 54-100079
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perkembangan rundingan di antara Kementerian dan Universiti-universiti luar negara yang terkemuka seperti Cambridge dan Oxford mengenai cadangan untuk menubuhkan kampus mereka di Malaysia dan sama ada rancangan seperti ini akan mempunyai kesan negatif terhadap universiti-universiti tempatan.
27. 68-100312
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan mengapakah Malaysia masih tidak menghantar kembali rakyat Selatan Thailand sejumlah 131 orang itu.
28. 45-100472
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kos yang ditanggung oleh Kerajaan setiap tahun antara tahun 2000 hingga 2004 bagi mengendalikan Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika).
29. 9-100398
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa banyakkah lesen-lesen untuk mengilang kenderaan 4 x 4 bina Semula (Rebuilt) daripada komponen terpakai telah diluluskan dan berapakah jumlah syarikat bumiputera daripada syarikat-syarikat tersebut.
30. 65-100134
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana benarnya dakwaan bahawa terdapat beban tugas berlebihan (overburden) di kalangan sebahagian guru di negara ini.
31. 68-100323
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bahawa jumlah kontraktor berdaftar adalah terlalu ramai dan melebihi nisbah yang munasabah. Berapakah jumlah kontraktor yang dianggarkan perlu oleh Kementerian untuk negara ini.

32. 60-100427
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan:-
- (a) tidakkah penetapan kadar minimum harga bilik hotel lima bintang kepada AS\$80 satu malam itu masih terlalu mahal; dan
 - (b) apakah jaminan kadar baru itu boleh menarik lebih ramai kedatangan pelancong asing ke Malaysia dan kenapakah tindakan tidak boleh diambil terhadap hotel bertaraf empat dan lima bintang yang menyediakan kemudahan bilik hotel yang tidak bermutu.
33. 37-100002
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan berpuas hati dengan prestasi mata wang negara sejak ianya diletakkan di bawah apungan terurus (managed float) mulai 21/07/2005. Apakah prestasi ringgit selepas pelaksanaan apungan terurus benar-benar memanfaatkan daya saing ekonomi negara.
34. 56-100087
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah praktikal untuk menubuhkan Kumpulan Wang Simpanan untuk wanita di atas kuasa 'mandatory' untuk membantu ibu tunggal yang menghadapi kesusahan kewangan kerana berlaku masalah penceraian, ditinggalkan atau kematian suami.
35. 50-100575
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan setakat manakah kemampuan negara-negara anggota Asean dapat bekerja sama bagi menangani masalah militan yang sudah nampak begitu berleluasa di rantau ini.
36. 7-100157
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kerajaan-kerajaan negeri telah bersetuju untuk mengeluarkan Lesen Tumpangan Sementara (TOL) ataupun menyediakan kawasan-kawasan khas kepada petani-petani yang berminat untuk berusaha di atas tanah-tanah terbiar supaya dasar Buku Hijau berjaya dan berhasil.
37. 38-100338
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah majikan yang telah diambil tindakan kerana perbuatan gangguan seksual ke atas pekerja mereka.

38. 20-100384
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan untuk menambah masa siaran Radio Orang Asli, "Radio Asyik" untuk meningkatkan semangat patriotisme dan penyebaran maklumat Kerajaan ke kawasan-kawasan pedalaman.
39. 67-100304
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi kekurangan doktor dan jururawat di hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara memandangkan masalah ini adalah salah satu faktor penyumbang di atas kelewatan pesakit mendapatkan rawatan di hospital.
40. 56-100114
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah perdagangan dalam nilai USD yang telah Malaysia jalankan dengan negara-negara luar dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menambah jumlah eksport negara kita terutamanya bagi industri kereta nasional.
41. 74-100100
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan "OPS SIKAP" sepanjang tahun memandangkan operasi tersebut terbukti berkesan dalam mengurangkan kemalangan pada musim perayaan.
42. 19-100017
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan hasil yang telah kita capai untuk menarik universiti-universiti terkemuka luar negara mengadakan usaha sama dengan universiti-universiti tempatan. Apakah status Malaysian University of Science and Technology (MUST) yang mengadakan usaha sama dengan Massachusetts Institute of Technology (MIT).
43. 76-100514
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah dasar kebudayaan Kebangsaan tahun 1971 itu hanya tinggal nama. Apakah strategi bagi memastikan Malaysia mempunyai satu dasar kebudayaan yang jelas dan terancang dengan mengambil kira kebudayaan Melayu sebagai teras dan kebudayaan kaum-kaum lain mendapat tempat dalam satu kerangka "Kebudayaan Malaysia".

44. 30-100569
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk membuka peluang yang lebih luas kepada para penuntut di dalam jurusan perubatan untuk mendalami ilmu tersebut di institusi pengajian tinggi tempatan.
45. 39-100192
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah punca dan masalah utama kelewatan pembukaan hospital-hospital baru seperti Hospital Sungai Buluh, Hospital Ampang dan Hospital Serdang yang sepatutnya dibuka pada tahun 2004. Adakah berpunca dari kontraktor yang telah dilantik. Apakah tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini dan bilakah hospital ini akan dibuka.
46. 17-100149
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan usaha-usaha utama Kementerian untuk membantu Orang Asli yang masih tinggal di pedalaman dan Orang Asli yang sudah keluar dari pedalaman, apakah masalah utama dan tahap kejayaan usaha Kementerian.
47. 19-100033
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan setakat ini berapakah bilangan usahawan bumiputera yang berjaya dilahirkan menerusi skim pinjaman TEKUN dari tahun 1999 hingga 2005 (usahawan lelaki dan wanita).
48. 72-100605
Dato' Kamarudin bin Ambok minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah kajian jangka pendek dan jangka panjang yang telah, sedang dan akan dilakukan oleh MARDI untuk mempelbagaikan lagi keluaran hasil-hasil buah-buahan tempatan bagi mempertingkatkan lagi mata pencarian petani.
49. 39-100193
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang kos perubatan di negara kita yang semakin tinggi sehingga membebankan golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Apakah alternatif yang dilakukan bagi mengatasi masalah ini.
50. 47-100316
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati dengan pencapaian radio IKIM dan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan TV IKIM.

51. 77-100460
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan Malaysia menangani kebuntuan dalam perundingan dengan Kerajaan Singapura mengenai pembinaan jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor.
52. 43-100275
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah benar seperti yang didakwa bahawa penjualan lesen memandu palsu atau lesen terbang kembali aktif dan bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan ketulenan lesen memandu ini.
53. 37-100010
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja yang diberhentikan secara paksa ataupun sukarela sejak awal tahun ini. Apakah sektor ekonomi yang paling kerap dilanda arus pemberhentian dan apakah tindakan Kerajaan untuk membantu pekerja-pekerja yang kehilangan mata pencarian secara tiba-tiba.
54. 33-100044
Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah pelaksanaan sistem 'eye in the sky' untuk mengawal perairan Selat Melaka tidak membuka ruang kepada penglibatan tentera negara asing selain daripada negara Indonesia, Singapura dan Malaysia. Jika ia, apakah peranan mereka.
55. 67-100289
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pandangan Kerajaan terhadap pembunuhan rakyat Malaysia oleh pasukan keselamatan negara asing di atas tuduhan melakukan jenayah atau keganasan sekiranya kesalahan yang didakwa masih belum dapat dipastikan atau dibuktikan sahih dan benar, adakah ini merupakan satu ancaman atau pencabulan terhadap hak dan kebebasan rakyat negara ini.
56. 20-100396
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) tindakan yang telah diambil mengenai aduan/isu soalan dalam PMR seperti format lama, kebocoran serta soalan yang dikeluarkan masih belum diajar; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang harus dipertingkatkan bagi menjaga integriti Lembaga, pengesahan dan kebolehpercayaan soalan-soalan dalam peperiksaan akan datang.

57. 29-100199
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci berapakah projek awam, kecil dan besar yang tidak dilaksanakan dalam RMK-6, RMK-7, dan RMK-8. Apakah masalahnya, apakah projek-projek itu masih penting atau tidak dan apa jalan penyelesaiannya.
58. 49-100534
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan terdapat ramai orang kurang upaya yang cacat penglihatan kelihatan berkeliaran di sekitar negara dan ia seolah-olah menggambarkan ketidakprihatinan Kerajaan kepada golongan ini. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani masalah terhadap golongan ini.
59. 62-100624
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah ancaman keganasan di Selatan Thailand akan merebak ke Malaysia terutamanya menerusi sempadan di Kelantan yang terdedah kepada anasir penyeludupan, apakah ianya boleh membawa kepada krisis hubungan Malaysia-Thailand sekiranya pengganas dan penjahat melarikan diri ke Malaysia dan memohon suaka politik kita sedangkan mereka telah melakukan keganasan.
60. 81-100633
Puan Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **KEMENTERIAN LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah yang akan di ambil dalam mengatasi kelemahan hubungan di antara OIC dengan pihak media agar segala tindakan dan aktiviti OIC dapat disalurkan dengan lebih berkesan ke seluruh dunia.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|--|-----------------------------------|
| 1. | (D.R. 20/2005) | Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) 2005 - Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [7 Disember 2005] | |
| 2. | (D.R. 21/2005) | Rang Undang-undang Perbekalan
Tambahan (2005) 2005 | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 25/2005) | Rang Undang-undang Saraan Hakim
(Pindaan) 2005 | “ |
| 4. | (D.R. 29/2005) | Rang Undang-undang Warisan
Kebangsaan 2005 | “ |
| 5. | (D.R.30/2005) | Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 | “ |
| 6. | (D.R. 23/2005) | Rang Undang-undang Perbekalan 2006 | “ |
| 7. | (D.R. 22/2005) | Rang Undang-undang, Undang-undang
Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah
Persekutuan) (Pindaan) 2005 | “ |
| 8. | (D.R. 24/2005) | Rang Undang-undang Perlembagaan
(Pindaan) (No. 2) 2005 | “ |